

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 24 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang isi rumah semasa dan nisbah hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada akhir Jun 2021, secara agregat, hutang isi rumah bernilai 1,335.4 bilion ringgit atau berada pada tahap 89.6% kepada KDNK. Nisbah hutang ini telah menurun daripada 93.2% pada Disember 2020.

Walaupun nilai hutang isi rumah ini masih besar, apa yang penting ialah profil hutang berkenaan. Sebahagian besar daripada hutang isi rumah di negara ini bertujuan untuk mengumpul kekayaan. Sebagai contoh, sekitar 70% daripada pinjaman dalam separuh pertama tahun ini diberi kepada peminjam daripada golongan berpendapatan sederhana dan tinggi dengan 40% daripada pinjaman berkenaan adalah untuk pembelian harta tanah dan 20% untuk pinjaman kenderaan. Hal ini didorong oleh pelbagai insentif pemilikan rumah yang ditawarkan oleh Kerajaan dan sektor swasta serta insentif cukai jualan dan perkhidmatan bagi pembelian kenderaan bermotor. Di samping itu, nisbah aset kewangan isi rumah kepada KDNK berada pada paras 195%, iaitu nilai aset isi rumah adalah dua kali ganda berbanding hutang isi rumah. Situasi ini menunjukkan isi rumah negara secara keseluruhannya masih berada dalam keadaan *solvent* dengan izin.